

Voalant Tablet 5mg

Warfarin Sodium Clathrate 5.45mg, bersamaan Warfarin Sodium 5mg

Apa yang ada pada risalah ini:

1. Apa kegunaan Voalant
2. Bagaimana Voalant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Voalant
4. Cara menggunakan Voalant
5. Semasa menggunakan Voalant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan & pelupusan Voalant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apa kegunaan Voalant

Voalant digunakan untuk mencegah dan/atau merawat pembekuan darah dalam saluran darah. Ia membantu mengurangkan kecenderungan darah untuk membentuk bekuan pada kaki, paru-paru, otak atau jantung. Ia juga digunakan untuk mencegah pembentukan atau pembentukan semula darah beku selepas serangan jantung.

Bagaimana Voalant berfungsi

Voalant mengandungi *warfarin sodium* yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antikoagulan. Ubat ini memperlambat masa pembekuan darah anda dan mencegah darah dari pembekuan secara berlebihan.

Sebelum menggunakan Voalant

Bila tidak boleh menggunakan:

Jangan mengambil Voalant jika anda:

- mempunyai alahan terhadap *warfarin sodium* atau bahan-bahan kandungan lain dalam produk ini.
- mengandungi atau merancang untuk mengandungi.
- mempunyai kecenderungan pendarahan atau mudah lebam.
- telah merancang untuk menjalani sebarang operasi/pembedahan pada masa terdekat.

- mempunyai tekanan darah tinggi yang tidak dapat dikawal dengan ubat.
- mengalami masalah hati yang teruk atau sirosis hati.
- mempunyai keadaan-keadaan berikut:
 - ulser atau pendarahan pada perut atau usus;
 - pendarahan pada paru-paru atau buah pinggang, pundi kencing atau uretra;
 - pendarahan dalam otak;
 - jangkitan pada jantung;
 - pembengkakan membran yang membaluti jantung atau pengumpulan cecair dalam jantung;
 - pembengkakan arteri yang menyalurkan darah ke otak.
- mempunyai kecenderungan kerap jatuh akibat daripada keadaan neurologi atau keadaan lain yang berkaitan dengan kesihatan.
- mempunyai demensia, psikosis, alkoholisme atau keadaan di mana rawatan antikoagulan tidak boleh digunakan dengan selamat.
- sedang mengambil ubat lain yang boleh meningkatkan risiko pendarahan atau mencegah pembekuan darah.
- mengalami keadaan fizikal yang mungkin mempunyai risiko pendarahan seperti mengalami strok baru-baru ini.

Jangan mengambil Voalant bersama gel oral *miconazole*.

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.

Sebelum mula menggunakan:

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Voalant jika anda:

- mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- mempunyai masalah tiroid.
- mempunyai atau pernah mengalami ulser perut atau pendarahan pada perut atau usus.
- lebih cenderung untuk mengalami pembekuan darah (trombofilia).

- mempunyai risiko kecederaan atau jatuh yang tinggi.
- mengalami strok iskemik baru-baru ini (disebabkan oleh sekatan bekalan darah ke otak).
- bakal menjalani pembedahan dan doktor anda mungkin perlu mengubah dos anda atau menghentikan rawatan warfarin.
- sedang mengambil sebarang ubat yang boleh meningkatkan risiko pendarahan atau mencegah pembekuan darah.
- mendapati gejala-gejala antikoagulasi yang berlebihan semasa rawatan seperti lebam, hidung berdarah atau hematuria (darah dalam air kencing) yang muncul tanpa sebab.

Menggunakan ubat-ubat lain:

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi, ubat herba atau produk semulajadi.

Sesetengah ubat mungkin boleh berinteraksi dengan Voalant, termasuk:

- *Miconazole*
- Ubat fibrinolitik yang digunakan untuk merawat atau mencegah pembekuan darah (cth. *alteplase*, *streptokinase*)
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDs) (cth. *aspirin*, *ibuprofen*), ubat antiplatelet, ubat untuk merawat masalah jantung (cth. *amiodarone*, *propafenone*), jangkitan kulat (cth. *fluconazole*), merendahkan paras kolesterol dalam darah (cth. *bezafibrate*, *gemfibrozil*), merawat penyakit gout (cth. *allopurinol*), merawat asma (cth. *zafirlukast*) - masa pendarahan dipanjangkan
- Ubat untuk merawat epilepsi (cth. *phenobarbital*, *carbamazepine*), batuk kering (tuberkulosis) (cth. *rifampicin*), ubat untuk menyekat tindakbalas imun (cth. *azathioprine*), kontraseptif oral, vitamin K - mengurangkan kesan warfarin
- Sesetengah jenis ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah (cth. *warfarin*,

Voalant Tablet 5mg

Warfarin Sodium Clathrate 5.45mg, bersamaan Warfarin Sodium 5mg

dicoumarol, phenprocoumon, acenocoumarol dan fluindione).

Kesan ubat-ubat tersebut mungkin dipertingkatkan apabila digunakan bersama dengan glukosamin. Pesakit yang dirawat dengan kombinasi tersebut harus dipantau dengan lebih teliti ketika rawatan glukosamin bermula atau berakhir.

Untuk sementara melegakan kesakitan atau demam semasa menggunakan warfarin, persediaan yang hanya mengandungi bahan aktif paracetamol boleh digunakan.

Bincang dengan doktor anda jika anda sedang mengambil ubat herba berikut:

- Ginkgo, *dong quai* dan *danshen* - mungkin boleh mempertingkatkan kesan warfarin
- *St. John's wort* dan ginseng - mungkin boleh mengurangkan kesan warfarin

Jangan minum alkohol dalam jumlah yang besar semasa menggunakan Voalant. Jus kranberi dan produk kranberi yang lain boleh mempertingkatkan kesan warfarin. Oleh itu, penggunaan bersama harus dielakkan.

Semasa mengandung dan menyusui bayi

Jika anda hamil, fikir anda mungkin hamil atau merancang untuk hamil, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Jangan mengambil Voalant semasa hamil. Voalant mungkin membahayakan bayi anda yang belum lahir. Gunakan kaedah pencegah kehamilan yang berkesan semasa mengambil Voalant.

Jika dos yang tepat diambil, Voalant tidak berkemungkinan membahayakan bayi anda semasa menyusui.

Cara menggunakan Voalant

Berapa banyak harus digunakan:

Pengambilan dos Voalant adalah ditentukan secara individu berdasarkan reaksi anda (PT/INR) terhadap ubat ini.

Ambil Voalant dengan tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda. Jangan mengubah dos anda tanpa berbincang dengan doktor anda. Ambil ubat anda pada masa yang tetap setiap hari. Tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Doktor anda akan melakukan ujian darah semasa rawatan dan mungkin mengubah dos anda berdasarkan keputusan ujian. Menjalankan ujian darah pada jangka masa yang tetap adalah sangat penting untuk memperhatikan masa pembekuan darah anda. Pastikan anda mengikut arahan dos dan menghadiri ujian darah.

Bila perlu digunakan:

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan:

Jangka masa pengambilan Voalant bergantung kepada doktor anda untuk menentukan.

Jika terlupa menggunakan:

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Beritahu doktor anda bahawa anda terlupa dos apabila berjumpa dengannya atau semasa menjalani ujian darah anda.

Jika penggunaan berlebihan (terlebih dos):

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos

berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Voalant Perkara yang perlu dilakukan:

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi, and ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Voalant
- Beritahu doktor dengan segera sekiranya anda mengandungi semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan:

- Jangan mengambil lain-lain ubat tanpa mendapatkan nasihat doktor.
- Jangan beri Voalant kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian:

Perubahan secara mendadak dalam cara pemakanan harus dielakkan kerana jumlah vitamin K dalam makanan mungkin boleh mengganggu terapi warfarin. Pemakanan yang seimbang dengan jumlah vitamin K yang tetap adalah disyorkan.

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Voalant boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Voalant Tablet 5mg

Warfarin Sodium Clathrate 5.45mg, bersamaan Warfarin Sodium 5mg

Berhenti mengambil ubat ini dan berjumpa doktor atau pergi ke hospital dengan segera jika anda mengalami:

- Reaksi alahan yang jarang berlaku, seperti bengkak pada muka, lidah, bibir dan tekak, kesukaran bernafas, gatal-gatal yang teruk pada kulit anda dengan timbulnya ketulan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Sesetengah kesan sampingan mungkin serius. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami simptom berikut:

- pendarahan tanpa sebab atau tanda-tanda pendarahan (ini mungkin bermakna paras pembekuan darah anda terlalu rendah dan dos anda perlu diubah):
 - hidung atau gusi berdarah tanpa sebab;
 - lebam atau bintik-bintik merah pada kulit;
 - pendarahan yang teruk apabila terluka atau cedera;
 - air kencing berwarna merah gelap atau coklat (ini mungkin disebabkan oleh pendarahan pada pundi kencing atau buah pinggang);
 - najis berwarna hitam dan melekit (tanda-tanda pendarahan pada perut, usus atau rektum);
 - batuk berdarah;
 - (wanita) pendarahan berlebihan semasa haid atau pendarahan dari faraj;
 - penglihatan kabur, pertuturan kurang jelas, hilang kawalan pergerakan, kebas, pening, sakit kepala, berasa kurang sihat, sawan, hilang kesedaran. Ini mungkin tanda-tanda pendarahan dalam otak.
- kesakitan pada jari kaki dan berwarna biru-ungu.
- kulit atau mata kekuningan (jaundis).
- sakit teruk pada bahagian atas abdomen (tanda keradangan pankreas).
- ruam kulit yang menyakitkan. Kadang-kala *warfarin* boleh

menyebabkan reaksi kulit yang serius dan salah satunya ialah *calciophylaxis*, di mana ia bermula dengan ruam kulit yang menyakitkan dan boleh menyebabkan komplikasi yang teruk. Reaksi ini lebih kerap berlaku pada pesakit dengan penyakit ginjal kronik.

Kekerapan 'tidak diketahui' - Kemerostan fungsi buah pinggang dengan antikoagulasi berlebihan dan kehadiran darah dalam air kencing (nefropati berkaitan dengan antikoagulasi).

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana kesan sampingan berikut berlarutan atau bertambah serius:

- berasa kurang sihat, cirit-birit
- keguguran rambut
- ruam kulit
- demam
- pengurangan bilangan sel darah merah, hemoglobin (diperhatikan dalam ujian darah)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan lain yang menyebabkan anda berasa kurang sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan & Pelupusan Voalant

Penyimpanan:

Simpan di dalam bungkusan asal dan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Pelupusan:

Jangan mengambil Voalant yang telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusan.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa rumah. Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Voalant, atau ubat ini letal melepasi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk:

Voalant Tablet 5mg adalah bersaiz 8.5mm bioconvex bulat berwarna oren malap diukir dengan "WAF5" pada satu sisi dan "UL" pada sisi yang lain.

Bahan-bahan kandungan Voalant

Bahan aktif:

Warfarin Sodium Clathrate 5.45 mg (bersamaan dengan Warfarin Sodium 5mg)

Bahan tidak aktif:

Lactose anhydrous, Pregelatinized Corn Starch, pewarna FD & C Yellow No.6 Aluminum Lake, Magnesium Stearate, Air Tulen.

Pengilang:

U-Liang Pharmaceutical Co., Ltd
No.10, Kuang-Fu Rd.,
Hu-Kou Hsiang, Hsin Chu Hsien,
Taiwan R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk:

Nano Medic Care Sdn Bhd
No.1-6 & 1-12, 1st Floor,
Jalan Indah 2, Taman Indah,
84000 Muar Johor
MALAYSIA

Nombor MAL: MAL_____A

Tarikh kemaskini RiMUP:

Julai 2024

Nombor Siri:

NPRA (R2) 23/102